

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN
KAWASAN : PAPAR
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa fasakah pembinaan Jalan Raya Pan Borneo yang telah dan belum ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor di Sabah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan No 38 dan 75 dari YB Papar yang dijadualkan pada hari ini juga kerana menyentuh isu yang sama iaitu hala tuju Lebuhraya Pan Borneo Sabah.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, satu kontraktor pakej kerja, iaitu melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan. Perancangan untuk memulakan pembinaan bagi baki 23 pakej kerja yang belum dibuat pelantikan kontraktor adalah tertakluk kepada keputusan muktamad dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Secara keseluruhan, status kemajuan pembinaan sehingga Mei 2019 bagi pakej kerja yang telah dimulakan adalah sebanyak 16.90%.

Berdasarkan perancangan asal, projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dijangka siap sepenuhnya pada 31 Disember 2021. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah sedang meneliti semula jadual perancangan tersebut dengan mengambil kira kelewatan untuk menyelesaikan isu-isu setempat, terutama pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Negeri Sabah. JKR Sabah dijangka akan membentangkan dalam masa terdekat berhubung jadual perancangan keseluruhan projek.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner* – PDP) yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan pihak PDP bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah pada 11 April 2016 telah menetapkan bahawa PDP layak

dibayar sebanyak 5.5% daripada kos pembinaan sebagai Yuran PDP. Yuran PDP tersebut antara lain bertujuan supaya PDP menyiapkan projek dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dengan kos yang telah dimuktamadkan oleh Kerajaan. Kegagalan pihak PDP untuk mematuhi kedua-dua elemen *Key Performance Index* (KPI) tersebut akan menyebabkan penalti ke atas Yuran PDP tersebut.

Memandangkan Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah tanpa melibatkan PDP, Kerajaan tidak perlu lagi untuk membuat bayaran melibatkan Yuran PDP. Namun, pelaksanaan projek di bawah pemantauan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah tidak akan melibatkan pengukuran dua elemen KPI di atas.

Sekian, terima kasih.